

27 APR 1999
ZETI-CABARAN
MALAYSIA BERSEDIA TEMPUH CABARAN, KATA ZETI

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 27 April (Bernama) -- Malaysia bersiap sedia untuk berdepan dengan cabaran-cabaran kemungkinan pengeluaran besar-besaran dana asing yang disimpan dalam pasaran saham di bawah peraturan 12 bulan, kata Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, di sini, hari ini.

Dr Zeti, bagaimanapun, tidak percaya semua dana portfolio yang bernilai AS\$5 bilion itu akan meninggalkan negara lima bulan daripada sekarang kerana pelaburan yang dibuat oleh pelabur terbabit telah dilindungi dan malahan meningkat sejak langkah kawalan matawang dan modal selektif diperkenalkan pada September tahun lalu.

"Kami tidak menjangkakan sejumlah besar dana akan meninggalkan negara kami sebaik sahaja tempoh simpanan setahun berakhir kerana pasaran saham telah menunjukkan peningkatan ketara daripada paras 260 mata pada September tahun lalu kepada lebih 600 mata ketika ini," katanya kepada pemberita di Kelab Akhbar Kebangsaan.

Dr Zeti adalah pegawai tertinggi pertama Malaysia yang dijemput untuk berucap di kelab berprestij itu. Timbalan Gabenor bank pusat itu yang berada di sini untuk menghadiri beberapa mesyuarat termasuk mesyuarat musim panas Bank Dunia/Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), memberi taklimat kepada pemberita mengenai "Laluan Malaysia kepada Pemulihan Ekonomi" di kelab itu.

Beliau berkata, jika "pengeluaran besar-besaran" itu berlaku, Malaysia sudah cukup bersedia untuk menyerap pengubahsuaian seumpama itu kerana rizab pertukaran asing negara telah meningkat sebanyak \$8 bilion hingga \$28 bilion, yang boleh menampung enam bulan import tertangguh.

Institut Kewangan Antarabangsa, sebuah kumpulan yang menaungi kira-kira 300 institusi kewangan antarabangsa mengunjurkan pada Ahad lalu rizab Malaysia meningkat daripada \$31 bilion tahun ini kepada \$37 bilion tahun depan, di mana, katanya, mungkin membawa kepada kelonggaran seterusnya sekatan tukaran wang.

Dr Zeti berkata kelonggaran peraturan 12 bulan itu menerusi pengenalan cukai keluar pada Februari telah mencetuskan petanda pemulihan yang positif dan menarik sejumlah besar dana baru.

Beliau menyatakan usaha Malaysia bagi pemulihan ekonomi tidak terhad kepada pemulihan dalam sektor kewangan tetapi lebih kepada fundamental.

"Apa yang penting adalah pemulihan kami berasaskan kepada kemapanan yang teguh dan kurang terdedah kepada kesilapan," katanya.

Langkah-langkah telah diambil untuk meletakkan asas bagi pertumbuhan dengan mengukuhkan sistem perbankan, mempelbagaikan asas ekonomi menerusi pelaburan dalam teknologi dan industri berasaskan sumber dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat, tambahnya.

Apabila ditanya bila kawalan itu akan ditarik balik, beliau menjawab keadaan masih lagi belum sesuai memandangkan kepada faktor gangguan luar seperti peristiwa yang berlaku di Rusia dan keadaan pasaran antarabangsa yang rapuh.

Mengenai cadangan jualan bon kerajaan, Dr Zeti berkata, "Kami mengawasi keadaan pasaran... ia adalah opsyen yang diberikan kepada Malaysia dan kami berusaha mencari peluang untuk meningkatkan dana pada kos yang berpatutan."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir berkata minggu lalu bahawa Malaysia akan melancarkan bon global untuk mengumpulkan RM8 bilion - bukan kerana ia memerlukan wang tetapi untuk membuktikan kepercayaan kreditnya.

Dr Zeti berkata, Malaysia tidak perlu meminjam daripada dana asing

kerana Malaysia mampu pada peringkat ini untuk membiayai keperluannya
daripada sumber dalam negeri kepada kadar simpanan tinggi. -- BERNAMA
SH ZK OS